

PRAKATA

Penyediaan “ENSIKLOPEDIA UNDANG-UNDANG DAN PENTADBIRAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA” ini adalah suatu usaha untuk menyusun dan membukukan semua akta-akta parlimen serta lain-lain prosedur yang dikeluarkan dan diwartakan oleh kerajaan samada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri yang berkait dengan amalan-amalan perancangan bandar dan desa semenanjung Malaysia.

Akta-akta parlimen dan prosedur-prosedur yang dikeluarkan oleh kerajaan sehingga kini hanya menjadi rujukan kepada jururancang sektor awam dan pihak berkuasa tempatan, mungkin disebabkan oleh bentuk yang terlalu teknikal atau disebabkan oleh edarannya yang terhad. Penulisan Ensiklopedia ini cuba untuk memperluaskan rujukan kepada akta-akta parlimen dan prosedur-prosedur yang berkaitan supaya dapat dirujuk oleh lebih ramai pembaca melalui kaedah penyampaian yang lebih mudah difahami oleh orang awam. Ini adalah untuk menjadikan lebih ramai orang awam terutamanya mereka yang terlibat dengan pemajuan hartanah, perunding perancangan bandar dan pihak berkuasa tempatan mengetahui dengan lebih mendalam tentang perundangan dan prosedur-prosedur yang berkaitan.

Perundangan dan prosedur perancangan bandar dan desa adalah satu bidang yang penting untuk difahami oleh mana-mana pihak yang terlibat dalam sektor pembangunan tanah termasuk perancang bandar, pemaju hartanah serta pihak berkuasa tempatan. Aspek ini juga perlu difahami oleh pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi, terutamanya bagi mereka yang mengikuti jurusan perancangan bandar dan wilayah dan pengurusan hartanah.

Walau bagaimanapun, sehingga kini belum ada satu bahan rujukan yang secara khusus dan terperinci serta ‘authoritative’

dikeluarkan dalam bidang ini, sedangkan aktiviti perancangan dan pemajuan hartanah berlaku dengan giatnya di Malaysia. Penghasilan Ensiklopedia ini diharapkan dapat memenuhi keperluan yang ada dan membantu pihak-pihak yang berkenaan disamping meningkatkan lagi kefahaman dalam bidang perundangan dan prosedur yang berkaitan dengan amalan-amalan perancangan bandar dan desa di Malaysia. Dalam usaha untuk menjadikan Ensiklopedia senang dirujuk samada dari segi batasan masa dan tempat, penerbitan Ensiklopedia ini dibuat dalam dua bentuk iaitu bentuk cetakan dan digital.

Kumpulan pengarang Ensiklopedia ini telah mencuba untuk menjadikan kandungannya seberapa komprehensif yang mungkin bersifat informatif, untuk mengandungi semua aspek perundangan serta prosedur-prosedur yang berkait dengan amalan-amalan perancangan bandar dan desa yang disampaikan dalam gaya bahasa yang senang difahami. Walaupun begitu, kumpulan pengarang merasakan masih mempunyai ruang untuk pembaikan dan akan cuba memperbaikinya dalam edisi kedua.

Struktur persembahan ensiklopedia ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama Ensiklopedia ini memperihalkan sejarah dan pentadbiran perancangan bandar di Semenanjung Malaysia di mana penjelasan mengenai sejarah perancangan bandar adalah di Bab 1, manakala penjelasan mengenai sistem organisasi dan pentadbiran perancangan bandar dan desa di Malaysia di dalam di Bab 2.

Bahagian Kedua Ensiklopedia memberi fokus kepada perundangan perancangan bandar dan desa di Semenanjung Malaysia dan peruntukan akta-akta lain yang berkaitan. Perundangan perancangan bandar dan desa yang dimuatkan di dalam Ensiklopedia ini adalah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1995 (A933) di bawah Bab 3, Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 (Akta 267) di dalam Bab 4 manakala peruntukan akta-

akta lain yang berkaitan dikemukakan di Bab 5. Setiap akta tersebut diberikan ulasan yang terperinci dengan penggunaan bahasa yang tidak terikat kepada bahasa undang-undang dan mudah untuk difahami oleh pembaca. Dalam usaha untuk memperjelaskan konteks pemakaian dan pentadbiran undang-undang yang berkaitan dengan perancangan, beberapa kes dan keputusan mahkamah dan lembaga rayuan telah dimuatkan di dalam Bab 6. Kes-kes dan keputusan-keputusan mahkamah yang dimuatkan dan dikelaskan mengikut Akta di mana kes-kes tersebut disabitkan.

Menerusi Bahagian Ketiga, kaedah-kaedah yang telah disediakan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dimuatkan di bawah Bab 7. Kaedah-kaedah yang dimaksudkan adalah Kaedah-kaedah Rancangan Pemajuan (Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan) 1984, Kaedah-kaedah Pengawalan Rancangan (Am) 1986, Kaedah-kaedah Lembaga Rayuan dan Kaedah-kaedah Perintah Pemeliharaan Pokok 2001 (Negeri Selangor). Kaedah-kaedah tersebut telah diberikan ulasan berdasarkan kepada kefahaman akta dan amalan-amalan semasa. Bab 8 pula memberikan penjelasan berkenaan proses permohonan pembangunan tanah untuk memberikan kefahaman kepada pembaca berhubung dengan proses permohonan sesuatu pembangunan yang diamalkan di Semenanjung Malaysia. Contoh amalan-amalan semasa pihak berkuasa tempatan turut disertakan bagi memberikan gambaran yang lebih jelas bagaimana prosedur permohonan pembangunan dipraktikkan. Bab 9 pula adalah merupakan ringkasan garis panduan-garis panduan perancangan yang telah disediakan dan digunapakai sebagai panduan kepada pembangunan-pembangunan yang hendak dijalankan.